

14 JUN 1999

Razaleigh-Umno

KU LI BELUM DAPAT MAKLUMAT KETUAI UMNO KELANTAN

GUA MUSANG, 14 Jun (Bernama) -- Tengku Razaleigh Hamzah berkata beliau belum mendapat maklumat akan dilantik sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan.

Bekas Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) itu berkata jika ada yang mengatakan bahawa beliau akan dilantik memegang jawatan berkenaan, itu hanyalah khabar angin "yang disebarkan oleh mereka yang suka membuat khabar angin".

"Khabar angin ini akan disebarkan oleh orang yang nak sebar, saya tak tahu menahu," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian Ladang dan Kilang Sawit Serasa oleh Sultan Kelantan di sini, hari ini.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan sekarang ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tengku Razaleigh, yang juga Ketua Umno bahagian Gua Musang, disebut-sebut akan dilantik ke jawatan berkenaan walaupun sebelum ini beliau telah beberapa kali menolak kemungkinan itu dengan alasan beliau hanya seorang anggota biasa.

Beliau juga berkata tidak ada perbincangan dengan Dr Mahathir berhubung perkara berkenaan.

Dalam perkembangan lain, Tengku Razaleigh yang juga bekas Menteri Kewangan berkata tanda-tanda pemulihan ekonomi negara adalah jelas dan tidak ada pihak yang boleh menafikan perkembangan positif itu.

"Bukan sahaja bon yang kerajaan tawar dapat sambutan hebat tetapi saham-saham yang dulu jatuh menjunam kini mendapat sambutan menggalakkan daripada pelabur...kalau mereka tak yakin, mereka tak akan beli saham-saham ini," katanya.

Beliau berkata, tanda-tanda lain pemulihan ekonomi ialah kerajaan dapat memberi bonus kepada kakitangannya serta wujudnya banyak peluang pekerjaan dan perniagaan kepada bumiputera serta bukan bumiputera.

Tengku Razaleigh berkata demikian ketika ditanya dakwaan pembangkang bahawa kenyataan kerajaan Barisan Nasional yang menunjukkan negara kini menuju ke arah pemulihan ekonomi hanyalah satu propaganda untuk mempengaruhi rakyat.

"Dia (pembangkang) buat cerita macam ini supaya rakyat terus tidak yakin dengan pemulihan ekonomi dan kepimpinan yang ada...kerja dia nak memburukkan keadaan," katanya.

Beliau berkata sepatutnya semua pihak khususnya pembangkang memberi sokongan kepada kerajaan supaya pemulihan ekonomi dipercepatkan.

--BERNAMA

BD MAI